



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 4/2024 (Pindaan No.1)

**PENAMBAHBAIKAN DASAR LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS
PERKHIDMATAN LOGISTIK**

1. Dasar Cukai Perkhidmatan Bil.4/2024 telah dipinda seperti berikut:

1.1. Dengan menggantikan subperenggan 2(iii) dengan subperenggan berikut:

“(iii) Selaras dengan kuasa Menteri di bawah seksyen 51 dan 56 ACP 2018, pindaan dibuat ke atas Perintah Cukai Perkhidmatan (Penaenanan Cukai Bagi Perkhidmatan Bercukai Berkenaan dengan Kawasan Ditetapkan dan Kawasan Khas),:

- a. Semua perkhidmatan di bawah kumpulan J: Perkhidmatan Logistik yang disediakan di dalam dan di antara Kawasan Khas / Kawasan Ditetapkan atau di antara Kawasan Khas dengan Kawasan Ditetapkan atau sebaliknya tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan;
- b. Walau bagaimanapun, perkhidmatan logistik yang disediakan oleh mana-mana orang yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia dan menyediakan perkhidmatan logistik di Kawasan Ditetapkan atau di Kawasan Khas atau mana-mana orang yang tempat perniagaan utamanya terletak di Kawasan Ditetapkan atau di Kawasan Khas yang menyediakan perkhidmatan logistik kepada pelanggan yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.”

1.2. Di subperenggan 2(v)(a)(i),

Dengan memasukkan perkataan “di antara penyedia perkhidmatan penghantaran dengan pelanggan. Manakala penyedia perkhidmatan penghantaran dibenarkan menggunakan perkhidmatan daripada pihak ketiga bagi penyediaan perkhidmatan penghantaran tersebut” selepas perkataan “pihak ketiga”.

1.3. Di subperenggan 2(v)(a)(ii),

- A. Dengan memotong perkataan “rangkaian”.
- B. Dengan memotong perkataan “dari *consignor*”.

1.4. Di subperenggan 2(v)(a)(iii),

- A. Dengan memasukkan perkataan “*delivery order*” selepas perkataan “*consignment note*”.
- B. Dengan memotong perkataan “dari *consignor*”.

1.5. Di subperenggan 2(v)(a)(iv), dengan menggantikan perkataan “*consignor*” kepada “penyedia perkhidmatan”.

1.6. Di subperenggan 2(v)(a) selepas subperenggan (iv), dengan memotong perkataan “adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan”.

1.7. Menggantikan subperenggan 2(v)(b) dengan subperenggan 2(v)(b) berikut:

Perkhidmatan logistik berkaitan **aktiviti transit** iaitu barang yang tiba dari suatu tempat di luar Malaysia ke Malaysia tanpa dipecah pukat dan seterusnya ke suatu tempat lain di luar Malaysia melalui mod pengangkutan darat / laut / udara.

2. Pindaan tersebut dianggap berkuat kuasa mulai **01 Mac 2024**.

Penafian:

Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

**BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA**